

SOALAN NO.: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI**

**SOALAN :**

**TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah punca dan masalah yang dihadapi oleh syarikat perladangan dan pertanian yang gagal melaksanakan program mekanisasi seperti pengguna mesin moden dan apakah usaha pihak Kementerian bagi membantu syarikat-syarikat ini untuk mengadaptasi penggunaan mesin oleh syarikat tersebut

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sektor perladangan terutama sektor perladangan sawit sangat bergantung kepada tenaga buruh berbanding penggunaan mekanisasi. Tahap penggunaan mekanisasi oleh syarikat perladangan masih di tahap yang rendah kerana pihak syarikat mendakwa perolehan peralatan mekanisasi ini memerlukan pelaburan permulaan yang tinggi dan jentera yang sedia ada pada masa ini adalah terhad dan tidak sesuai untuk semua kawasan.

Antara langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan mekanisasi di sektor perladangan adalah seperti berikut:

(i) Skim Galakan Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS)

Dalam usaha untuk menggalakkan syarikat perladangan dan pekebun kecil menggunakan peralatan dan jentera perladangan, diskaun sehingga 20% ditawarkan bagi setiap jentera yang dibeli untuk kegunaan di ladang sawit di bawah Skim Galakan Mekanisasi Industri sawit (OPIMIS). Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi melaksanakan skim ini. Sejak dilancarkan pada Mei 2016 sehingga Oktober 2017, seramai 731 pengusaha ladang telah mendapat faedah di bawah skim insentif ini.

(ii) Dana Mekanisasi Sawit

Dalam usaha untuk menggalakkan dan membiayai aktiviti penyelidikan berkaitan mekanisasi oleh institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa, peruntukan Dana Mekanisasi Sawit berjumlah RM30 juta telah diwujudkan. Melalui penyelidikan yang berterusan adalah diharap lebih banyak jentera yang lebih sesuai pada kos yang rendah dapat direkacipta dan diguna pakai bagi meningkatkan produktiviti dan seterusnya mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

(iii) Penganjuran *International Competition on Oil Palm Mechanisation* (ICOPM)

Dalam usaha untuk mendapatkan teknologi dan inovasi baharu juga, *International Competition on Oil Palm* (ICOMP 2017) telah dianjurkan dengan tawaran hadiah utama bernilai USD 1 Juta. ICOMP 2017 telah menarik 57 penyertaan termasuk peserta dari Jepun, Korea, China dan India.

Selain langkah-langkah tersebut, Kementerian juga akan terus mengadakan perbincangan dengan pihak industri untuk mengenalpasti langkah-langkah jangka panjang untuk menjayakan pelaksanaan penggunaan mekanisasi di sektor perladangan.

Sekian, terima kasih.